

**SOALAN NO: 75**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN**  
**JUSOH**  
**KAWASAN : SETIU**

**SOALAN:**

**YB DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan punca kemalangan di kawasan pembinaan sama ada disebabkan oleh pemilihan kontraktor yang kurang berkredibiliti ataupun penggunaan material yang tidak memenuhi spesifikasi piawaian yang telah ditetapkan serta langkah berkesan dalam mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara faktor yang menjadi penyumbang kepada kemalangan di kawasan pembinaan adalah seperti berikut:

- i. Kecuaian dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat disebabkan oleh pengabaian terhadap prosedur kerja selamat dan kurangnya pengetahuan terhadap aspek keselamatan;
- ii. Kecuaian dalam mengendalikan peralatan/ mesin serta tidak memiliki tahap kompetensi bersesuaian atau kurangnya pengetahuan dan pengalaman;
- iii. Kaedah kerja serta penyeliaan dan penyelarasan kerja pembinaan yang tidak sempurna;
- iv. Penggunaan bahan binaan yang tidak menepati standard; dan
- v. Aspek rekabentuk tidak dipertimbangkan dengan sempurna dan tidak menepati keperluan penggunaan.

Kementerian Kerja Raya bersama agensi-agensinya seperti JKR dan CIDB amat prihatin dan peka terhadap isu keselamatan di kawasan pembinaan. Langkah-langkah bagi menangani permasalahan ini, antaranya dengan:

- i. Meningkatkan kesedaran terhadap aspek keselamatan melalui program latihan dan seminar berkaitan keselamatan;
- ii. Meningkatkan pemeriksaan dan pemantauan kerja pembinaan bagi mengurangkan potensi berlakunya insiden; dan
- iii. Mengenaikan tindakan sewajarnya terhadap kontraktor yang gagal memastikan persekitaran kerja selamat melalui peruntukan Akta 520.

Melalui Teras Strategik: Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme di bawah Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016 - 2020 Kementerian Kerja Raya melalui CIDB telah mensasarkan:

- i. Seramai 1,238 orang menyertai SHO (Safety and Health Officer) *professionals*; dan
- ii. Seramai 762 orang menyertai SSS (Site Safety Supervisor) *professionals*.

Kementerian Kerja Raya memberi fokus kepada usaha pembudayaan kualiti, keselamatan dan profesionalisme. Tahap keselamatan di tapak bina akan dipertingkatkan melalui latihan berterusan dalam bidang *Quality, Safety & Health (QSH)* kepada kontraktor dan personel binaan. Pematuhan kepada *Safety and Health Assessment System In Construction (SHASSIC)* akan dapat mengurangkan kadar kemalangan di tapak binaan.

Sekian, terima kasih.